

## **Ciptaan Baru Gerak Randai dalam Cerita *Malin Nan Kondang*: Kajian Kes Program Kolaborasi Randai Serumpun Malaysia dan Indonesia**

Juhara Ayob<sup>1\*</sup> Kamarul Baisah Husin<sup>2\*</sup> Eliza Mustafa<sup>3\*</sup> Mohamad Yusmar Afeendi Yusof<sup>4\*</sup> Nor Azura Abu Bakar<sup>5\*</sup>

*Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA)*

*Corresponding Author: [juhara@aswara.edu.my](mailto:juhara@aswara.edu.my)*

### **ABSTRAK**

Randai merupakan seni teater tradisional Minangkabau yang menggabungkan silat, dendang, kaba, dan lakonan, namun popularitinya semakin merosot akibat pengaruh hiburan moden dan kurangnya inovasi. Kajian ini menganalisis elemen gerak ciptaan baru dalam persembahan Randai Malin Nan Kondang yang dihasilkan melalui kolaborasi antara Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) dan Institut Seni Indonesia (ISI) adangpanjang. Reka bentuk kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui temu bual tidak berstruktur bersama tokoh randai, pemerhatian terhadap rakaman persembahan yang disiarkan dalam talian dan analisis dokumen terhadap sumber primer dan sekunder. Dapatan kajian mengenal pasti empat elemen utama yang mengalami inovasi, iaitu tepuk galembong, bunyi (*goreh*), pola lantai, dan motif gerak. Inovasi ini memperlihatkan integrasi teknik tarian moden, variasi pola bunyi, simbolisme pola lantai, dan penggunaan teknologi seperti layar hijau, sambil mengekalkan prinsip asas pencak silat randai. Hasil kajian membuktikan bahawa inovasi tersebut mampu meningkatkan daya tarik randai terhadap khalayak kontemporari, memperkukuh nilai dramatik persembahan, dan membuka ruang baharu bagi pengembangan randai sebagai seni tradisional yang relevan dalam konteks digital dan global.

**Kata Kunci :** Randai, Gerak Ciptaan Baru, Inovasi Seni Tradisional

## ABSTRACT

*Randai is a traditional Minangkabau theatre form that integrates silat, singing (dendang), storytelling (kaba), and acting. However, its popularity has declined due to the influence of modern entertainment and a lack of innovation. This study analyzes the newly created movement elements in the Randai Malin Nan Kondang performance, produced through a collaboration between the National Academy of Arts, Culture and Heritage (ASWARA) and the Indonesian Institute of the Arts (ISI) Padangpanjang. The research adopts a qualitative design through unstructured interviews with a randai expert, observations of the recorded online performance and document analysis of primary and secondary sources. Findings identify four key elements that underwent innovation: tepuk galembong (percussive body slaps), goreh (vocal expressions), floor patterns, and movement motifs. These innovations demonstrate the integration of modern dance techniques, variations in rhythmic patterns, symbolic floor designs, and the use of technology such as green screens, while maintaining the core principles of randai's pencak silat foundation. The study concludes that these innovations enhance randai's appeal to contemporary audiences, strengthen its dramaturgical value, and open new avenues for developing randai as a traditional performance art relevant in digital and global contexts.*

**Keywords:** Randai, Newly Created Movements, Traditional Arts Innovation

## Pengenalan

Randai merupakan seni persembahan tradisional masyarakat Minangkabau yang menggabungkan elemen silat, dendang, kaba (penceritaan) dan teater, lazimnya dipersembahkan dalam formasi bulatan oleh para pemain (Indrayuda, 2021). Bentuk gerak randai tradisional menekankan pola legaran (galombang) dengan kombinasi gerakan silat sebagai struktur asas, di samping penyampaian dialog dan dendang yang saling berinteraksi (Rahayu, 2019). Seiring perkembangan zaman, randai mengalami transformasi bentuk dan gaya,

termasuk penyesuaian kandungan dan persembahan agar lebih relevan dengan khalayak moden (Indrayuda & Samsuddin, 2021).

Inovasi dalam gerak randai turut berkembang melalui penciptaan pola pergerakan baharu yang tidak terbatas pada bentuk bulatan tradisional. Kajian menunjukkan wujud eksplorasi gerak dalam formasi segi tiga, bujur dan pola simetri lain bagi menambah variasi visual serta meningkatkan dinamik persembahan (Indrayuda, 2020). Transformasi ini membuktikan bahawa randai tidak hanya berfungsi sebagai medium pelestarian tradisi, tetapi juga sebagai ruang inovasi yang menjadikan seni ini kekal relevan dalam lanskap persembahan kontemporari (Rahayu, 2019).

Randai mula diperkenalkan di institusi pengajian tinggi Malaysia pada tahun 1998 melalui Akademi Seni Kebangsaan (ASK), yang kini dikenali sebagai Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA). Pementasan randai pertama, *Anggun Nan Tungga* karya Amin yang diolah semula oleh Allahyarham Sabri Mohd Zain (Samoza), melibatkan pelajar tahun akhir Diploma daripada program Tari, Teater, Muzik dan Penulisan Kreatif. Pementasan ini dikendalikan oleh tenaga pengajar jemputan dari Padang, Sumatera Barat, iaitu Allahyarham Dhamir dan Sawanismar S. Kar, dengan bimbingan Mohd Anis Md. Nor sebagai penasihat produksi. Randai kemudiannya diangkat sebagai salah satu komponen kursus Produksi Teater Tradisional di bawah Modul Wajib Akademi.

Sejak itu, beberapa pementasan randai lain telah dipersembahkan di ASWARA, termasuk *Puti Nilam Sari* (2005) arahan Wisran Hadi dengan bantuan Bapak Afrizal, *Sabai Nan Aluih* (2007) arahan Zainal Latif dan Afrizal, serta *Si Jundai*, *Lareh Simawang Jo Diri Siti Jamilah* dan *Moyang Andak* (2010) arahan Musra Dharizal, Indra Utama, Mazdar Abd Aziz (Pak Pen) dan Ramzi Ramli.

Sejak tahun 2019, kesemua kursus tradisional termasuk Wayang Kulit, Bangsawan, Mek Mulung, Makyung dan Randai telah diselaraskan di bawah Pusat Seni Pentas Tradisional (PuTRA) (Panduan Akademik Pengajian Diploma dan Ijazah Sarjana Muda Dengan Keahlian Sesi 2018/2019).

Memandangkan sebahagian besar tokoh randai di Malaysia telah meninggal dunia, pada tahun 2021 pihak PuTRA mengambil inisiatif mengadakan bengkel *Masterclass* secara dalam talian bersama tokoh randai dari Institut Seni Indonesia (ISI) Padangpanjang bagi memperkasa pensyarah randai ASWARA dalam aspek teori dan praktikal seperti silat, gerak, nyanyian, muzik, lakonan, kostum dan aksesori. Pada tahun berikutnya (2022), kerjasama ini diteruskan melalui Program Kolaborasi Randai Serumpun Malaysia dan Indonesia, yang bertujuan memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai seni tradisional randai serta mendokumentasikan pelaksanaannya sebagai bahan rujukan, pengajaran dan pembelajaran.

Kerjasama ini diterjemahkan dalam bentuk pementasan randai bertajuk *Malin Nan Kondang*, yang dipersembahkan secara dalam talian melalui teknik layar hijau. Proses latihan dan rakaman dilakukan secara berasingan di Malaysia dan Indonesia, manakala penyuntingan disempurnakan oleh ASWARA. Program ini turut menganjurkan forum secara fizikal di Dewan Kuliah Utama ASWARA, menampilkan Admiral (tokoh randai ISI dan penasihat persembahan) serta Mohd Effindi Shamsuddin dari Universiti Malaya sebagai panel jemputan.

Program ini dilaksanakan selama tiga bulan meliputi perbincangan (Julai 2022), latihan dan rakaman (Ogos 2022), suntingan (September 2022) dan siaran dalam talian (Oktober 2022). Penglibatan meliputi pensyarah, alumni dan pelajar ASWARA serta pelajar

ISI. Latihan pelajar ASWARA dijalankan melalui rujukan video persembahan rakaman pelajar ISI bagi menyesuaikan aspek lakon, dialek, muzik, lagu dan gerak silat. Walau bagaimanapun, gerak silat diolah semula dengan penyesuaian tertentu bagi mengurangkan kompleksiti teknik tetapi tetap mengekalkan keaslian nilai gerakannya. Pendekatan ini dilakukan untuk menarik minat generasi muda serta meningkatkan keberkesanan kolaborasi dalam konteks persembahan digital.

### **Latar Belakang Randai**

Randai merupakan teater tradisional rakyat Minangkabau di Sumatera Barat yang mencerminkan tradisi kehidupan masyarakatnya. Kesenian ini lahir daripada golongan pesilat di Minangkabau kerana pada zaman dahulu terdapat dua pusat menuntut ilmu, iaitu surau sebagai tempat pengajian agama dan gelanggang silat sebagai tempat latihan jasmani. Ketika berlatih, para pesilat turut mempelajari pelbagai cerita daripada hikayat atau kaba yang disampaikan melalui dendang diiringi muzik, supaya tidak membosankan pendengar. Cara penyampaian cerita ini berkembang dengan pelbagai improvisasi, termasuk gerakan indah yang bersumberkan daripada pencak silat. Bentuk penyampaian cerita secara berlagu dikenali sebagai badampieng, manakala penyampaian cerita melalui dendang dan gerakan tari menjadi asas utama persembahan randai yang dikenal hingga kini.

Seiring perkembangan, randai dikenali sebagai teater rakyat yang mengisahkan cerita-cerita kaba Minangkabau, kebanyakannya berkisar konflik kekeluargaan, perjalanan hidup, rumah tangga dan percintaan. Judul cerita kebiasaannya diambil daripada nama watak utama seperti *Anggun Nan Tongga Magek Jabang*, *Sabai Nan Aluih*, *Dalim Deman*, *Umbuik Mudo*, *Rambun Pamenan* dan *Malim Nan Kondang* (Sri Rustiyanti,

2018). Pada peringkat awal, randai dimainkan sepenuhnya oleh lelaki, termasuk bagi watak wanita, yang menampilkan keunikan tersendiri bagi masyarakat Minangkabau ketika itu. Namun, pada tahun 1970-an, Chairul Harun melakukan pembaharuan dengan melibatkan wanita memegang watak lengkap berpakaian khas wanita Minangkabau (Zulkifli et al., 2020). Kesenian randai turut melibatkan pelbagai cabang seni, iaitu seni muzik (cak lempong), seni vokal (dendang), seni teater (lakon dan dialog), seni sastera (gurindam dan kaba), seni rupa (kostum dan tatarias), serta seni tari yang berpaksikan pencak silat.

### **Gerak Randai**

Gerak randai berakar daripada tradisi masyarakat Minangkabau sebagai sebahagian daripada seni kolektif yang menggabungkan unsur silat (silek), kaba, dendang dan teater arena (Harun, 1991; Pauka, 1998). Bentuk gerak randai menekankan legaran (galombang), iaitu pola pergerakan melingkar yang berfungsi sebagai penghubung antara adegan, diiringi tepukan tangan, hentakan paha dan dendang berirama. Gerakan galombang ini memadukan kekuatan dan ketangkasan pencak silat dengan keindahan gerak tari, diiringi tapuak galembong (tepukan pada seluar khas randai) yang menghasilkan variasi bunyi dan visual mempesonakan penonton (Pauka, 1998).

Selain di tanah asalnya, randai turut berkembang dalam kalangan diaspora Minangkabau di Malaysia, khususnya di Negeri Sembilan, Selangor dan Kuala Lumpur. Menurut Indrayuda dan Samsuddin (2021), penyebaran randai bermula sejak era kerajaan Melaka dan diperkuat melalui hubungan budaya antara Negeri Sembilan dan Pagaruyung pada abad ke-18. Perkembangan ini membawa kepada proses adaptasi dan akulturasi, di mana gerak randai digabungkan dengan

elemen budaya setempat seperti silat Cekak dan Gayong, gaya bahasa Negeri Sembilan, serta muzik tradisional Melayu.

### **Ciptaan Baharu Gerak Randai**

Menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat ciptaan baharu adalah menghasilkan atau mewujudkan sesuatu buat pertama kali. Didalam kajian ini, penulisan memberi tumpuan kepada perubahan gerak pemain randai yang menyentuh empat elemen, iaitu tepuk galembong, bunyi (goreh), pola lantai dan motif gerak yang telah dihasilkan oleh Pak Admiral selaku penasihat dan tenaga pengajar.

“Randai di Padangpanjang atau umumnya di Sumatera Barat ada masanya tinggi permintaan dan ada masanya mengalami kemerosotan. Keadaan ini berlaku kerana beberapa faktor, antaranya faktor ekonomi seperti bayaran yang sedikit diberikan kepada pemain randai. Kebanyakan kumpulan randai hanya berlatih dalam kalangan mereka atau di kampung sahaja dan tidak ada jemputan untuk membuat persembahan di khalayak. Keadaan ini menyebabkan timbul perasaan bosan kerana berlatih tanpa ada tujuan, hanya bermain semata-mata” Wawancara, (Admiral, 2024).

Admiral turut menegaskan tentang satu peraturan telah dikeluarkan oleh kaum adat Minangkabau bahawa di dalam setiap pesta perkahwinan mesti ada persembahan tradisi seperti *Saluang Dendang*, *Selawat Dulang* dan termasuklah randai. Ekoran daripada undang-undang yang dikeluarkan tersebut menyebabkan randai berkembang dan mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat. Setelah itu wujudlah festival randai yang kebiasaannya dibuat dua kali setahun. Golongan muda yang mempunyai pemikiran yang kreatif sudah mula membuat pembaharuan di dalam randai dengan membuat beberapa perubahan dengan panggilan randai ciptaan baharu. Dengan kewujudan randai ciptaan

baharu ini lebih menarik minat generasi muda. Jika dilihat di Indonesia, terdapat tiga jenis randai yang wujud pada masa kini pertamanya ialah randai tradisi, randai ciptaan dan randai moden atau kontemporari. Tambah beliau, randai yang diangkat di dalam institusi pengajian tinggi seperti di ISI telah dibuat penambahbaikan seperti gerak yang seragam, lontaran vokal yang bervariasi serta muzik tambahan seperti muzik latar turut dimainkan dalam lakonan yang dikenali sebagai muzik ilustrasi namun semua perubahan tidak membelakangkan tradisi Minangkabau.

### **Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini dilaksanakan untuk menjawab permasalahan utama, iaitu kemerosotan populariti randai dalam kalangan generasi muda akibat pengaruh hiburan moden, kekurangan pendedahan, serta ketiadaan inovasi yang mampu menarik minat khalayak kontemporari. Selain itu, isu kekangan ekonomi yang dihadapi kumpulan randai tradisional turut menyumbang kepada penurunan aktiviti persembahan (Zulkifli et al., 2020; Rustiyanti, 2018). Justeru, terdapat keperluan mendesak untuk melakukan inovasi pada gerak dan bentuk persembahan randai agar kesenian ini kekal relevan serta mampu diterima oleh audiens moden.

Bagi menangani permasalahan ini, kajian ini bertujuan menganalisis elemen gerak ciptaan baharu dalam persembahan *Randai Malin Nan Kondang* yang dihasilkan melalui kolaborasi antara Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) dan Institut Seni Indonesia (ISI) Padangpanjang. Secara khusus, objektif kajian adalah untuk mengenal pasti dan menghuraikan perubahan pada tepuk galembong, bunyi (goreh), pola lantai dan motif gerak yang telah dicipta semasa persembahan tersebut.

Kajian ini turut berpijak pada asas kajian lepas yang memperlihatkan wacana akademik penting dalam pemahaman tentang estetika, fungsi dan inovasi randai. Antaranya, Elindra Yetti (2010) membincangkan estetika tari dari sudut kesatuan, harmoni dan keaslian gerak galombang; Sri Rustiyanti (2014) menjelaskan pembahagian muzik internal (bunyi tubuh seperti tepukan dan hentakan) dan muzik eksternal (alat muzik tradisional); manakala Indrayuda et al. (2021) menyoroti model inovasi teater tari randai yang diperbaharui dari aspek dialog, konfigurasi, lakonan dan gerak. Abd. Samad Kechot (2009) pula menekankan kepentingan sokongan institusi dan penglibatan generasi pelapis dalam memelihara randai. Kajian lain oleh Zulkifli et al. (2020) dan Rustiyanti (2018) turut memperincikan sejarah, fungsi sosial, dan inovasi yang diperlukan untuk memastikan randai kekal berdaya saing.

Dari sudut metodologi, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan kajian lapangan bagi mendapatkan pemahaman mendalam tentang fenomena yang dikaji. Tiga instrumen utama digunakan: temu bual, pemerhatian, dan analisis dokumen. Temu bual tidak berstruktur dilaksanakan bersama Admiral, tokoh randai dari ISI Padangpanjang, bagi mendapatkan penjelasan terperinci tentang konsep, motif dan rasional di sebalik ciptaan gerak baharu. Pemerhatian dilakukan terhadap rakaman persembahan *Randai Malin Nan Kondang* yang disiarkan secara dalam talian di laman *Facebook* rasmi ASWARA, bertujuan mengenal pasti inovasi dalam gerak termasuk perubahan pada tepuk galembong, pola lantai dan motif pergerakan. Analisis dokumen dilakukan terhadap sumber primer dan sekunder seperti buku, artikel dan jurnal bagi mendapatkan landasan teori dan sokongan hujah, serta memastikan kajian ini mengisi jurang yang belum diterokai oleh penyelidikan terdahulu. Gabungan kaedah ini digunakan bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan dapatan serta

memberikan gambaran komprehensif mengenai inovasi gerak randai.

### **Elemen Baharu Gerak Randai dalam Cerita *Malin Nan Kondang***

Hasil temu bual bersama Admiral, tokoh randai dari ISI Padangpanjang, mendapati bahawa beliau telah melakukan beberapa penciptaan gerak baharu dalam persembahan *Randai Malin Nan Kondang*. Berdasarkan pemerhatian pengkaji, terdapat empat elemen gerak utama yang mengalami perubahan, iaitu tepuk galembong, bunyi (*goreh*), pola lantai dan motif gerak. Perubahan ini dilakukan sebagai usaha menyesuaikan bentuk persembahan dengan kehendak serta selera penonton masa kini. Admiral menjelaskan bahawa sebahagian gerak baharu diinspirasikan daripada fenomena media sosial, khususnya platform seperti TikTok, yang kaya dengan gerakan ringkas namun dinamik, seterusnya membawa unsur-unsur moden dan kontemporari ke dalam randai (Sanggar Harimau Campo, 2024). Beliau menegaskan bahawa meskipun terdapat inovasi dan penyesuaian dalam persembahan ini, penciptaan gerak tersebut masih berpaksikan pada prinsip asas randai yang berteraskan pencak silat, agar keaslian dan identiti tradisionalnya tetap terpelihara. Penyesuaian ini dilihat sebagai satu pendekatan strategik bagi memastikan randai terus relevan dan dapat menarik perhatian generasi muda tanpa mengorbankan nilai budaya asalnya.

### **Tepuk Galembong Susunan dan Pola Tepukan**

Secara tradisional, tepuk galembong hanya dilakukan di bahagian tengah seluar dengan pola bunyi tunggal “dum tak dum dum” dalam meter 4/4. Dalam versi baharu persembahan *Malin Nan Kondang*, pola ini dikembangkan kepada dua hingga tiga variasi dalam satu frasa,

menggabungkan teknik tepukan seluar, dada, lantai, hentakan kaki dan petikan jari. Tepukan juga diolah dengan pola *interlocking* antara pemain, menghasilkan bunyi bersahutan yang lebih padat.

Perubahan ini memperlihatkan usaha untuk memperkaya lapisan tekstur bunyi dalam randai, menjadikannya lebih kompleks dan sesuai dengan cita rasa penonton moden yang cenderung kepada rentak dinamik seperti dalam muzik kontemporari dan media sosial. Inovasi ini meningkatkan nilai hiburan dan keunikan persembahan, menjadikan bunyi tepuk galembong bukan sahaja pengiring visual tetapi juga elemen auditori yang dominan, menyerupai fungsi perkusif dalam muzik moden.

### **Kaedah dan Teknik Pelaksanaan**

Kaedah tepukan tradisional hanya dilakukan ketika posisi kekuda dengan tangan menepuk seluar (galembong). Dalam versi baharu, tepukan turut dilakukan ketika lompatan, posisi berdiri bebas, bahkan ketika berpusing, memperluas mobiliti gerak. Kedudukan tangan lebih bervariasi: menepuk dada, lantai, sisi seluar serta memetik jari sebagai aksen tambahan.

Kaedah ini menggabungkan prinsip pencak silat dengan elemen tari kontemporari, menjadikan gerak tepukan bukan sekadar ritma tetapi juga ekspresi dramatik. Teknik baharu ini menuntut kemahiran fizikal lebih tinggi kerana memerlukan koordinasi antara tepukan, lompatan dan pergerakan lantai, sekali gus meningkatkan tahap kepakaran pemain randai.

### **Hitungan dan Ritma**

Dalam bentuk tradisional, hitungan menggunakan ritma tunggal 4/4 dengan tempo krocet yang sederhana. Persembahan ini memperkenalkan variasi 2/4, 3/4, dan 4/4 serta penggunaan quaver dan semi-quaver untuk

menghasilkan tekstur ritma yang lebih padat dan bertenaga.

Penyisipan ritma ini menunjukkan pengaruh muzik moden seperti pop dan tarian viral media sosial (contohnya TikTok), menjadikan randai lebih mesra dengan telinga generasi muda. Eksperimen ritma ini menambahkan keragaman tempo dalam persembahan, memberikan sensasi dramatik yang menghidupkan jalan cerita dan memperkukuh daya tarikan persembahan.

### **Fungsi Dramatik dan Estetika**

Tepuk galembong bukan sahaja mengawal ritma persembahan tetapi juga berperanan sebagai alat dramatik untuk menekankan emosi adegan tertentu. Pola *interlocking* mencipta kesan responsif antara pemain, menyerupai dialog muzikal.

Inovasi ini mewujudkan dimensi komunikasi bunyi antara pemain dan penonton, memperluas peranan tepuk galembong sebagai bahasa tubuh kolektif. Perubahan ini berjaya mengangkat tepuk galembong daripada sekadar iringan gerak kepada komponen naratif, yang memperkayakan interpretasi penonton terhadap cerita yang dipersembahkan.

	<b>ASPEK</b>	<b>TRADISIONAL</b>	<b>CIPTAAN BAHARU</b>
1	Pola Tepukan	Tepukan tunggal di tengah seluar, pola bunyi 'dum tak dum dum'	Variasi tepukan (seluar, dada, lantai, hentakan kaki, petikan jari), pola <i>interlocking</i>

2	Teknik & Kaedah	Posisi kekuda, tepukan di seluar sahaja	Dilakukan ketika lompatan, berdiri bebas, berpusing
3	Hitungan & Ritma	Ritma tunggal 4/4 dengan tempo krocet sederhana	Ritma pelbagai (2/4, 3/4, 4/4) dengan penggunaan quaver dan semi-quaver
4	Tangan	Tangan menepuk bahagian tengah galembong	Tangan bervariasi: dada, lantai, sisi seluar, petikan jari

Jadual 1 : Aspek Tradisional dan Ciptaan Baharu dalam

### **Tepuk GalembongBunyi (Goreh) Variasi Bunyi Baharu**

Menurut Admiral, bunyi *goreh* dalam randai tradisional biasanya terhad pada pola asas seperti *hip tah teh* yang berfungsi sebagai penanda pergerakan dan penyatuan gerak galombang. Dalam persembahan Malin Nan Kondang, beliau memperkenalkan variasi baharu dengan memasukkan lafaz perkataan seperti *Malin Nan Kondang*, *huh hah*, dan *aieh-aieh* yang disebut secara seragam oleh anak randai. Pemerhatian pengkaji terhadap rakaman persembahan mendapati penggunaan bunyi ini tidak sekadar hadir sebagai pengisi ruang, tetapi dilakukan secara tersusun mengikut frasa gerak, memberikan kesan dramatik pada momen tertentu dalam penceritaan.

Perubahan ini menunjukkan usaha memperluas fungsi *goreh* daripada sekadar isyarat kepada alat ekspresi kolektif, menjadikannya sebahagian daripada naratif vokal randai. Ia sekali gus meningkatkan interaksi antara

pemain dengan penonton melalui kesan auditori yang lebih hidup dan berlapis. Inovasi ini berjaya mewujudkan suasana gamat yang lebih mendalam, menambahkan elemen teaterikal dan memperkayakan pengalaman penonton, terutama dalam konteks persembahan dalam talian yang memerlukan stimulasi audio-visual yang lebih kuat.

### **Peranan Anak Randai dalam Penghasilan Bunyi**

Dalam tradisi asal, bunyi *goreh* hanya dimainkan oleh tukang *goreh* (janang) yang berperanan sebagai pemimpin gerak galombang. Namun, berdasarkan temu bual dengan Admiral dan pemerhatian pengkaji, persembahan ini melibatkan semua anak randai dalam penghasilan bunyi, termasuk sahut- menyahut dengan ungkapan seperti “hep ta” atau “ais ta”. Bunyi ini diatur dalam pola bersahutan (*call-and-response*) yang menambah tekstur auditori dalam babak tertentu.

Penyertaan kolektif anak randai dalam menghasilkan bunyi mencerminkan pendemokrasian peranan *goreh*, menjadikannya milik bersama dan bukan lagi eksklusif kepada janang. Ini juga memperlihatkan pengaruh gaya persembahan moden seperti choral chanting yang sering digunakan dalam teater kontemporari untuk membangkitkan emosi dan tenaga kumpulan. Pendekatan ini memberikan lapisan dinamik pada bunyi *goreh*, menjadikannya alat ekspresif yang lebih inklusif, sekaligus memperkukuh semangat kolektif dalam persembahan randai.

### **Fungsi Dramatik dan Muzikal**

Analisis dokumen berkaitan randai moden mendapati penggunaan bunyi tambahan seperti “huh hah” dan “aieh-aieh” selari dengan trend eksperimen vokal dalam teater tari kontemporari. Dalam persembahan ini, bunyi *goreh* berfungsi bukan sahaja sebagai penanda ritma

tetapi juga alat dramatik untuk memperkuat emosi dalam penceritaan.

Penyisipan bunyi dengan lafaz tertentu (contohnya nama tokoh *Malin Nan Kondang*) memperkukuh keterlibatan penonton kerana secara tidak langsung menarik fokus kepada tema cerita. Ini mewujudkan sinergi antara vokal, gerak, dan naratif, menjadikan persembahan lebih immersif. Pendekatan ini menjadikan bunyi goreng bukan sekadar fungsi teknikal, tetapi sebagai instrumen kreatif yang menyumbang kepada keseluruhan pengalaman estetika persembahan randai.

	<b>ASPEK</b>	<b>TRADISIONAL</b>	<b>CIPTAAN BAHARU</b>
1	Fungsi	Sebagai penanda gerak dan penyatu pola galombang.	Selain penanda gerak, berfungsi sebagai elemen ekspresi dramatik dan penguat naratif.
2	Pengeluar Bunyi	Dihasilkan oleh tukang goreng (janang) sahaja.	Dihasilkan secara kolektif oleh semua anak randai secara bersahutan.
3	Pola Sebutan	Sebutan ringkas seperti 'hip-tah-teh'.	Sebutan diperluas dengan lafaz seperti 'Malin Nan Kondang', 'huh-hah', 'aieh-aieh', 'hep-ta'.
4	Gaya Penyampaian	Monoton, berulang, dan berfokus pada penanda tempo.	Variatif, bersahutan (call-and-response), dan dinamik.

**Jadual 2 : Aspek Tradisional dan Ciptaan Baharu dalam Bunyi (Goreh)**

## **Pola Lantai**

### **Pola Lantai Tradisional: Pola Tunggal (Melingkar)**

Secara tradisi, pola lantai dalam randai berpegang pada prinsip pola tunggal melingkar (*single circular pattern*), yang menjadi keharusan dari adegan pertama hingga akhir persembahan (Harun, 1991; Pauka, 1998). Anak-anak randai membentuk bulatan besar mengelilingi arena persembahan sambil menyanyi, berdendang dan bertepuk. Posisi ini bukan sahaja mengawal ruang gerak tetapi juga memvisualisasikan kesatuan kolektif dalam komuniti Minangkabau.

Pola lantai melingkar melambangkan kebersamaan, musyawarah dan keterikatan sosial, iaitu nilai inti dalam budaya Minangkabau. Bentuk ini menegaskan randai sebagai teater arena yang inklusif, di mana penonton mengelilingi arena dan turut merasai pengalaman kolektif. Walaupun memberikan identiti yang kuat, pola tunggal ini kurang dinamik dari segi dramatik kerana tidak membenarkan perubahan bentuk ruang yang signifikan sepanjang persembahan.

### **Struktur Pola Baharu: Pola Simbolik**

Dalam persembahan Malin Nan Kondang, pola lantai tidak lagi terhad pada bulatan tunggal. Pengkaji melalui pemerhatian mendapati penggunaan pola simbolik yang direka untuk menggambarkan adegan tertentu. Contohnya, ketika watak Malin bersiap untuk merantau, anak-anak randai membentuk pola lantai menyerupai kapal yang “berlayar”, memberikan gambaran visual kepada penonton tentang tema perjalanan.

Penggunaan pola simbolik ini menghubungkan koreografi dengan naratif penceritaan, menjadikan gerak bukan sahaja bersifat estetika tetapi juga semantik (pembawa makna). Ia menyerupai pendekatan tari dramatik kontemporari, di mana ruang digunakan

sebagai bahasa penceritaan. Inovasi ini meningkatkan fungsi dramaturgi randai, menjadikannya lebih interaktif secara visual serta memperkuat pemahaman penonton terhadap cerita.

### **Komposisi dan Transisi Ruang**

Perubahan pola lantai tidak dilakukan secara mendadak, tetapi melalui transisi berlapis. Sebagai contoh, di pertengahan persembahan, anak-anak randai masuk dari kiri dan kanan pentas, kemudian bertemu di tengah untuk membentuk dua barisan panjang, sebelum bergerak ke dua bulatan bertindih (kecil di dalam, besar di luar).


Komposisi ini menunjukkan pengaruh koreografi kontemporer yang memberi perhatian pada arah gerak (*directionality*) dan tingkat kedalaman ruang (*inner-outer space*). Bentuk bulatan bertindih melambangkan hubungan dualistik (dalam-luar, individu-kolektif), seiring dengan konflik emosi watak Malin yang berdepan dilema antara kampung halaman dan dunia luar. Transisi yang dinamik ini menjadikan persembahan lebih bertenaga dan mencipta variasi visual, mengatasi kebosanan yang mungkin timbul daripada pola lantai tradisional yang statik.

### **Bentuk dan Fungsi Pola Baharu**

Bentuk baharu seperti pola kapal, dua bulatan bertindih dan barisan simetri memberikan lapisan dramatik pada ruang. Bentuk-bentuk ini diolah mengikut struktur dramatik cerita (contohnya: kapal untuk adegan merantau, bulatan bertindih untuk menggambarkan konflik).

Penggunaan bentuk ini menjadikan pentas sebagai ruang semiotik, iaitu setiap pola bukan hanya gerak, tetapi mewakili simbol dan emosi. Pendekatan ini memperluas kefungsiian randai sebagai teater arena

daripada hiburan kepada seni visual naratif, setara dengan perkembangan bentuk teater kontemporari.



Rajah 1: Perubahan Baharu Pola Lantai

## Motif Gerak

### Asas Gerak Galombang dan Eksplorasi Ciptaan Baharu

Gerak galombang randai secara tradisi menekankan bentuk-bentuk konvensional dalam pencak silat Minangkabau yang berdisiplin, melibatkan posisi rendah, pergerakan lingkaran, dan tepukan berirama. Walaupun berakar pada tradisi, menurut Pak Admiral (temu bual, 2024), persembahan Malin Nan Kondang membuka ruang eksplorasi dengan memasukkan unsur-unsur tarian moden, termasuk gerakan popular media sosial seperti TikTok.

Penggunaan gerakan TikTok dilihat sebagai strategi menarik minat generasi muda, menjadikan randai

lebih inklusif dan sesuai dengan trend hiburan semasa. Eksperimen ini berjaya mengekalkan asas pencak silat sambil menambahkan elemen keterhubungan generasi, yang meningkatkan potensi randai sebagai medium seni yang kontemporari tanpa kehilangan identiti asalnya.

### **Simbolisme dan Visualisasi Adegan**

Pemerhatian mendapati pola pergerakan baharu turut digunakan untuk membentuk simbol visual, seperti pola kapal yang melambangkan perjalanan Malin merantau. Dalam babak sedih, pergerakan lebih kecil dan tempo perlahan, manakala dalam babak gembira, gerakan menjadi lebih besar, bertenaga dan rancak.

Pendekatan ini memperlihatkan pemahaman koreografer terhadap fungsi dramatik pergerakan bukan hanya sebagai hiasan tetapi sebagai alat penceritaan emosional. Perubahan dinamik gerak ini mendorong penonton untuk mengalami emosi watak, menjadikan randai lebih bersifat immersif dan mendalam secara dramatik.

### **Motif Gerak Mengikut Jilid dan Babak**

Dalam Jilid Babak 1, pemerhatian terhadap persembahan menunjukkan penggunaan dua pola pergerakan berbeza:

- Pemain di luar lingkaran: Gerakan kasar, bersudut, mewakili watak lelaki.
- Pemain di dalam lingkaran: Gerakan lebih mengalir, lembut, mewakili watak perempuan.

Motif ini berfungsi untuk memvisualisasikan pertemuan awal antara Malin dan Nilam melalui perbezaan gerakan jantina.

Gerakan lelaki dan perempuan menggambarkan perbezaan sifat watak serta menambah kedalaman dramaturgi. Inovasi ini memberikan dimensi tambahan

terhadap penggambaran karakter, memudahkan penonton mengenali konteks hubungan watak dalam adegan.

### **Integrasi Teknik Tarian Moden**

Dalam adegan gembira, teknik tarian moden seperti *Ripple*, *Bounce* dan *Shassé* digunakan untuk menambah variasi gerak dan mencipta suasana yang ringan. Namun, dalam adegan sedih, gerakan pencak silat dikembalikan, dengan penekanan pada postur, gestur dan sikap pendekar.

Penggunaan tarian moden sebagai aksen pada adegan gembira menunjukkan keberanian koreografer untuk berinovasi, sementara pemulangan kepada gerak silat pada adegan sedih mengekalkan keaslian nilai randai. Pendekatan ini mewujudkan keseimbangan antara tradisi dan inovasi, meningkatkan kekayaan gerak tanpa mengorbankan identiti budaya Minangkabau.

### **Analisis Ciptaan Baharu Gerak Silat Randai**

Analisis ke atas keempat-empat elemen utama dalam persembahan Randai Malin Nan Kondang, iaitu tepuk galembong, bunyi (goreh), pola lantai dan motif gerak memperlihatkan satu pendekatan inovatif dalam mengolah tradisi. Tepuk galembong, yang dahulunya hanya menghasilkan pola bunyi asas, kini diperkaya dengan teknik tepukan pada bahagian dada, lantai, hentakan kaki, dan petikan jari, digabungkan dengan pola bersahutan (*interlocking pattern*) serta variasi ritma yang lebih dinamik, menjadikan randai lebih bertenaga secara auditori. Bunyi goreh, yang pada asalnya berfungsi sebagai penanda gerak oleh janang, telah diperluas peranannya melalui penglibatan semua anak randai secara kolektif, disampaikan dengan pola sahut-menyahut serta sebutan yang memperkukuh dramatik dan naratif persembahan. Pola lantai pula menunjukkan transformasi

daripada pola tunggal melingkar kepada bentuk-bentuk simbolik seperti kapal dan bulatan bertindih, dengan transisi ruang yang menyokong penceritaan secara visual. Sementara itu, motif gerak menggabungkan konvensi pencak silat dengan teknik tarian moden seperti *Ripple*, *Bounce* dan *Shassé*, disesuaikan mengikut emosi adegan, daripada pergerakan kecil yang perlahan untuk babak sedih hingga gerakan besar yang rancak untuk babak gembira.

Keempat-empat elemen ini secara langsung menjawab objektif kajian, iaitu menganalisis elemen gerak ciptaan baharu dalam persembahan *Randai Malin Nan Kondang* yang dihasilkan melalui kolaborasi antara Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) dan Institut Seni Indonesia (ISI) Padangpanjang. Secara khusus, dapatan ini telah mengenal pasti dan menghuraikan perubahan yang berlaku pada tepuk galembong, bunyi (goreh), pola lantai, dan motif gerak, sekali gus membuktikan bahawa inovasi yang dilakukan berjaya mengekalkan identiti randai berasaskan silat dan kaba sambil menawarkan interpretasi kontemporari yang lebih segar, relevan dan sesuai dengan keperluan khalayak moden.

### **Perbincangan**

Program Kolaborasi Randai Serumpun Malaysia dan Indonesia: *Malin Nan Kondang*, anjuran PuTRA, ASWARA, telah ditayangkan secara dalam talian di laman Facebook ASWARA pada 1 Oktober 2022 dan menerima lebih 1,300 tontonan. Menurut Pak Admiral, konsep persembahan rakaman secara maya ini merupakan pengalaman pertama bagi beliau dan pelajar Institut Seni Indonesia (ISI) Padangpanjang. Kolaborasi ini bukan sahaja memberi pengalaman dankemahiran baharu kepada kedua-dua pihak, khususnya dalam penggunaan layar hijau untuk penghasilan persembahan rakaman,

tetapi juga membuka ruang untuk pertukaran ilmu dan kepakaran dalam seni persembahan randai antara Malaysia dan Indonesia. Sambutan ini membuktikan bahawa inovasi gerak ciptaan baharu mampu menarik perhatian khalayak dalam dan luar negara, menjadikan randai lebih relevan dalam konteks seni digital masa kini.

## **Transformasi Gerak Ciptaan Baharu**

### **a. Tepuk Galembong dan Variasi Tepukan**

Secara tradisi, tepuk galembong hanya dilakukan di bahagian tengah seluar dengan pola bunyi asas. Dalam persembahan ini, teknik tersebut divariasikan dengan tepukan pada dada, lantai, tapak kaki, tepukan berpasangan, dan petikan jari. Pola *interlocking* (bersahutan) antara pemain juga diperkenalkan untuk menghasilkan lapisan bunyi yang lebih kompleks dan menarik. Inovasi ini menjadikan tepuk galembong bukan sahaja sebagai penanda gerak, tetapi juga instrumen ritma yang memperkaya komposisi auditori.

### **b. Bunyi (*Goreh*) dan Sahut-menyahut**

Bunyi *goreh* yang pada asalnya dihasilkan oleh tukang goreng (janang) telah diperluas dengan penglibatan semua anak randai. Ungkapan seperti *Malin Nan Kondang*, “huh hah”, “aieh-aieh” disampaikan secara kolektif dan bersahut-menyahut (call-and-response), memperkukuh dramatik penceritaan dan mencipta suasana gamat yang lebih hidup.

### **c. Motif Gerak Moden dan Simbolik**

Motif gerak menggabungkan konvensi pencak silat dengan teknik tarian moden seperti *Ripple*, *Bounce* dan *Shassé*. Beberapa gerakan diambil daripada trend media sosial (contohnya TikTok), menjadikan randai lebih dekat dengan generasi muda. Dalam babak tertentu, pergerakan digunakan untuk menggambarkan simbol, seperti pola kapal yang berlayar (adegan Malin merantau) atau dua lingkaran bertindih yang melambangkan konflik batin watak.

### **Pola Lantai dan Komposisi Ruang**

Persembahan ini meninggalkan pola tunggal melingkar yang menjadi ciri tradisional randai. Pola lantai dipelbagaikan untuk memberi makna visual kepada naratif, antaranya:

- Pola kapal: Simbol perjalanan Malin meninggalkan kampung.
- Dua lingkaran bertindih (inner-outer circle): Memvisualisasikan hubungan dualistik – lelaki-perempuan, konflik dalam-luar.

Formasi barisan simetri: Transisi dramatik antara adegan. Komposisi ini diiringi transisi ruang yang lancar, di mana pemain bergerak dari kiri dan kanan pentas sebelum berkumpul di tengah, menambah variasi visual dan memperkukuh penceritaan.

### **Kerja Kreatif Kolaborasi Malaysia–Indonesia**

Kerjasama antara ASWARA dan ISI Padangpanjang menghasilkan pendekatan kreatif yang menggabungkan keaslian tradisi dengan teknologi moden. Persembahan menggunakan layar hijau untuk mencipta visual sinematik, manakala gaya lakonan berorientasikan kamera menggantikan gaya tradisional di dalam bulatan. Dari aspek muzik, caklempong diolah bukan sahaja untuk mengiringi gerak galombang, tetapi juga sebagai pengiring tepukan jemput dan hantar pelakon. Muzik turut digunakan sebagai muzik latar untuk menghidupkan emosi adegan.

### **Implikasi Inovasi terhadap Persembahan**

Transformasi ini mengubah randai daripada sekadar teater arena tradisional kepada seni persembahan kontemporari yang bersifat multidimensi yang menggabungkan muzik moden, gaya lakonan sinematik

dan koreografi berlapis. Hasilnya, persembahan ini lebih terhubung dengan khalayak moden, terutama generasi muda, tanpa mengorbankan nilai asas randai yang berpaksikan silat, kaba dan semangat kolektif Minangkabau.

Perubahan pada tepuk galembong, bunyi (goreh), pola lantai dan motif gerak yang dihasilkan melalui kolaborasi ASWARA dan ISI Padangpanjang bukan sahaja mencapai objektif kajian untuk mengenal pasti dan menghuraikan elemen gerak ciptaan baharu, tetapi turut mendemonstrasikan potensi randai sebagai seni tradisional yang mampu beradaptasi dengan teknologi dan selera penonton masa kini, menjadikannya relevan dalam konteks persembahan global.

### **Kesimpulan**

Sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang berfokuskan seni, Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) memainkan peranan penting dalam memelihara, memulihara, dan melestarikan seni tradisional melalui Pusat Tradisional (PuTRA). Antara seni tradisional yang dipelihara ialah Wayang Kulit, Makyung, Bangsawan, Mek Mulung, dan Randai. Usaha ini dilaksanakan melalui pelbagai aktiviti, program, bengkel, kelas induk (*masterclass*), kerjasama strategik, kolaborasi, dokumentasi, serta inisiatif pembelajaran sepanjang hayat, yang menjadikan ASWARA sebagai pusat rujukan penting dalam pembangunan seni tradisional di Malaysia.

Namun, dalam konteks seni yang sentiasa berkembang, ASWARA turut menggalas tanggungjawab untuk memperbaharui pendekatan persembahan seni tradisional agar kekal relevan dengan tuntutan semasa. Hal ini dapat dilihat melalui Program Kolaborasi Randai Serumpun Malaysia dan Indonesia: Malin Nan Kondang, yang dianjurkan oleh PuTRA dengan

kerjasama Institut Seni Indonesia (ISI) Padangpanjang. Program ini memperlihatkan ciptaan baharu dalam persembahan randai yang menggabungkan unsur moden dan penggunaan teknologi layar hijau, menjadikan persembahan lebih segar dan bertepatan dengan kehendak generasi masa kini yang mendambakan hiburan seni berteraskan tradisi tetapi bercirikan inovasi.

Program ini merupakan percubaan pertama menggabungkan dua negara dalam persembahan randai secara dalam talian, yang bukan sahaja menjimatkan perbelanjaan logistik seperti kos perjalanan, penginapan, dan makan minum, tetapi juga membuka ruang baharu kepada pementasan digital seni tradisional. Walaupun terdapat cabaran teknikal seperti penyelarasan penggambaran, penyediaan layar hijau, proses suntingan, capaian Internet, serta latihan secara dalam talian, kedua-dua pihak berjaya mengatasinya melalui kerjasama berstruktur dan perancangan rapi.

Lebih daripada sekadar sebuah persembahan, program ini berjaya mengeratkan hubungan silaturahim dan memperkukuh kerjasama budaya antara Malaysia dan Indonesia, di samping memartabatkan seni tradisional randai ke peringkat antarabangsa. Justeru, inisiatif ini meluaskan *body of knowledge* ASWARA dalam aspek pemeliharaan seni tradisional melalui pendekatan kontemporari dan integrasi teknologi digital. Ia menjadi model rujukan kepada usaha melestarikan warisan seni sambil memenuhi tuntutan era moden, sekali gus memperkukuh kedudukan ASWARA sebagai peneraju dalam pendidikan, pengkaryaan, dan pengembangan seni budaya di Malaysia.

## RUJUKAN

- Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan. (2018). *Panduan Akademik Pengajian Diploma Dan Ijazah Sarjana Muda Dengan Kepujian Sesi 2018/2019*. Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan.
- Harun, C. (1991). *Kesenian Randai di Minangkabau*. Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.
- Kirstin Pauka. (1998). *Theater & martial arts in West Sumatra*. Ohio University.
- Mohd. Majid Konting. (2009). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Mok Soon Sang. (2010). *Literatur dan kaedah penyelidikan*. Multimedia.
- M. Rasjid Manggis. (1980). *Kaluak Randai*. Proyek Penerbitan Buku Sastra Indonesia dan Daerah.
- Noraini Idris. (2010). *Penyelidikan dalam pendidikan*. Mc Graw Hill.
- Pauka, K. (1998). *Theater and martial arts in West Sumatra: Randai and Silek of the Minangkabau*. Ohio University Press.
- Rustiyanti, S. (2018). *Randai identitas folklor Minangkabau*. Sunan Ambu Press.
- Zulkifli, Novesar Jamarun & Admiral. (2020). *Buku ajar Randai teater tradisional rakyat Minangkabau Sumatera Barat*. Gre Publishing.
- Zulkifli, Z., Harun, C., & Abdul Samad, K. (2020). *Pertumbuhan dan perkembangan Randai: Perspektif tekstual dan inovasi*. Yogyakarta: Gadjah Mada University Press.

**ARTIKEL JURNAL**

- Abd. Samad Kechot. (2009). Laporan Kajian Randai Warisan Masyarakat Minang Negeri Sembilan: Meneroka Perkembangan dan Taburannya. *Jurnal Melayu*, (4), 161-172
- Creswell, J.W., Hanson, W. E., Plano, V.L.C., & Morales, A. (2007). *Qualitative Research Designs: Selection and Implementation*. *Sage Journals*, 35 (2). <https://doi.org/10.1177/0011000006287390>
- Elindra Yetti. (2010). Kesenian Randai Minangkabau Ditinjau Dari Segi Estetika Tari. *Acintya Jurnal Penelitian Seni Budaya*, 2 (1), 30 – 37
- Hidayat, S., & Arkhi, T. S. (2015). The development of tourism in Minangkabau Village, Tarusan Kamang, West Sumatra: Attracting international tourist interest with the traditional art.
- Indrayuda. (2021). Changes in form and style in randai performance at the Minangkabau diaspora in Malaysia. Atlantis Press.
- Indrayuda, Darmawati & Effindi. (2021). Kajian komparatif transformasi gaya persembahan Randai di Kuala Lumpur dan Sumatera Barat sebagai warisan budaya Minangkabau: seni pertunjukan. [Laporan]. Sendratasik FBS UNP, Padang.
- Indrayuda. (2020). Limited creativity as a form of Minangkabau traditional randai preservation. Atlantis Press. <https://www.atlantis-press.com/article/125943504.pdf>
- Indrayuda, Mansyur, Herlinda, & Marzam. (2021). Penerapan model pertunjukan Randai: Dari teater tradisi ke teater tari inovatif. [Laporan]. Fakultas Bahasa dan Seni. Universitas Negeri Padang.

- Indrayuda, Marzam, & Effindi. (2020). Randai as a social representation Minangkabau society of the past. *Jurnal Humanus Universitas Negeri Padang*, 19 (1), 103-135,
- Indrayuda, & Samsuddin, M. E. (2021). *Randai in the Minangkabau diaspora: Adaptation and acculturation in Malaysia*. Atlantis Press.
- Rahayu, F. (2019). *Local wisdom in Minangkabau cultural tradition of Randai*. Atlantis Press.
- Sri Rustiyanti. (2014). Musik Internal dan Eksternal dalam Kesenian Randai. *Resital Jurnal Seni Pertunjukan*, 15 (2), 152 – 162
- Yuda, F., Winangsit, E., Hidayat, H. A., & Sinaga, F. S. S. (2020). Limited creativity as a form of Minangkabau traditional Randai preservation. *Advances in Social Science, Education and Humanities Research*. Atlantis Press.